

PERSIDANGAN PENTERJEMAHAN ANTARABANGSA KE-16, 2017

8-10hb OGOS 2017
CRYSTAL CROWN HOTEL, MALAYSIA



PENGENALAN

Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (PPA) juga dikenali sebagai *International Conference on Translation* (ICT) ialah persidangan yang diadakan dua tahun sekali. Persidangan pertama telah diadakan dalam tahun 1984 melalui inisiatif Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). PPA diadakan kerana wujud kesedaran bahawa penterjemahan ialah perantara komunikasi yang sangat diperlukan dalam pemindahan maklumat, yang secara signifikan menyumbang terhadap kemajuan negara.

Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-16 akan berlangsung di Crystal Crown Hotel, Petaling Jaya, Malaysia daripada 8^{hb} sehingga 10^{hb} Ogos, 2017. Fakulti Bahasa dan Linguistik serta Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya akan bergabung untuk menganjurkan persidangan ini dengan sokongan penganjur bersama: Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Perbadanan Kota Buku (PKB).

OBJEKTIF

Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-16 bertujuan untuk:

- Menggalakkan wacana intelek dan profesional, dengan tujuan untuk meninjau teori, teknik, isu, perspektif, amalan, penyelidikan dan akreditasi semasa dalam bidang terjemahan.
- Mempertingkatkan kerjasama antara para cendekiawan penterjemahan dengan penuntut dalam Pengajian Penterjemahan dan para pengamal dalam industri penterjemahan.
- Menggabungkan latihan para penterjemah dan mengukuhkan sinergi latihan dalam situasi profesional sebenar.
- Mempertingkatkan kesedaran dalam kalangan semua peserta dalam perkhidmatan penterjemahan tentang nilai penterjemahan di dalam sesuatu masyarakat.

Pengumuman Pertama & Pengumuman untuk Sumbangan Kertas Kerja



"Nilai Penterjemahan dalam Masyarakat" *The Value of Translation in Society*

TEMA PERSIDANGAN:

NILAI PENTERJEMAHAN DALAM MASYARAKAT

Persidangan ini akan menumpukan perhatian kepada nilai penterjemahan dengan meneliti bagaimana aktiviti ini memudahkan komunikasi dalam budaya, antara budaya dan silang budaya dalam kalangan kumpulan masyarakat yang berbeza-beza, dan bagaimana penterjemahan membantu menangani keperluan sosial untuk masyarakat yang kompleks. Melalui perkongsian pengetahuan, kami berharap dapat mengetengahkan nilai penterjemahan dengan membincangkan isu-isu yang berkaitan, dengan tujuan menyumbang kepada penyelidikan tentang terjemahan dalam pelbagai bidang, seperti Perniagaan, Budaya, Pendidikan, serta Sains dan Teknologi.

Antara sub-temanya termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Penterjemahan dan budaya
- Penterjemahan dan ekonomi
- Penterjemahan dan etika
- Penterjemahan dan politik

- Penterjemahan dan isu sosial
- Penterjemahan dan teknologi
- Penterjemahan untuk kanak-kanak
- Penterjemahan untuk pendidikan
- Penterjemahan untuk agama
- Interpretasi untuk masyarakat

PENCERAMAH UTAMA

Prof Emeritus Dato' Dr Hajah Asmah Haji Omar (Universiti Malaya, Malaysia)

Prof Anil Dhingra (Jawaharlal Nehru University, India)

Prof Kirsten Malmkjaer (University of Leicester, UK)

Prof Steven Defeng Li (University of Macau, China)

Mr A. Palaniappan (Language Services Department, Parliament of Singapore, Singapore)

PENGUMUMAN UNTUK SUMBANGAN KERTAS KERJA

Jawatankuasa Penganjur mengalu-alukan penyertaan (pembentang kertas kerja/ para pemerhati) daripada para pengamal, para pendidik, para penuntut, agensi-agensi, para penerbit perisian, para penggubal polisi bahasa, badan-badan akreditasi, pelanggan perkhidmatan terjemahan dan individu-individu yang berminat di seluruh dunia. Abstrak kertas kerja individu/bersama yang ingin dibentangkan pada Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-16 harus diserahkan **selewat-lewatnya pada 31hb Januari 2017.**

Setiap kertas kerja akan diperuntukkan 20 minit untuk pembentangan dan 10 minit untuk sesi soal jawab.

PANDUAN UNTUK ABSTRAK

Bahasa:

- Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris

Format:

- Abstrak : Jumlah perkataan antara 200 - 250
- Kata kunci : 5
- Font & Saiz : Arial, saiz 11
- Jarak antara baris : 1.5
- Perisian : *Microsoft Word*
- Gaya : APA

Abstrak mesti mengandungi tajuk kertas kerja. Kertas kerja tersebut juga mesti mengandungi tujuan, kaedah dan penemuan. Kertas kerja tersebut juga mesti mengandungi nama pembentang kertas, organisasi, alamat email dan sub-tema kajian.

Tarikh akhir penyerahan untuk abstrak adalah pada 31^{hb} Januari 2017. Surat jawapan penerimaan untuk abstrak akan diemel pada 28^{hb} Februari 2017.

Penulis untuk abstrak yang dipilih perlu menghantar **abstrak lanjutan** kepada kami (untuk dicetak di dalam buku Program) serta **kertas kerja yang lengkap**. Beberapa kertas kerja terpilih akan diedit dan diterbitkan sebagai suatu bab di dalam bentuk buku.

PANDUAN UNTUK ABSTRAK LANJUTAN

Format:

Abstrak : Jumlah perkataan antara 500 - 600
Kata kunci : 5
Font & Saiz : Arial, saiz 11
Jarak antara baris : 1.5
Perisian : *Microsoft Word*
Gaya : APA

PANDUAN UNTUK KERTAS KERJA YANG LENGKAP:

Format:

Kerta kerja lengkap : Jumlah perkataan antara 7000 – 7500 (termasuk rujukan, gambar rajah dan apendiks)
Kata kunci : 5
Font & Saiz : Arial, saiz 11
Jarak antara baris : 1.5
Perisian : *Microsoft Word*
Gaya : APA

Tarikh akhir untuk abstrak lanjutan dan penyerahan kerta kerja yang lengkap adalah pada 30 April 2017.

CARA PENYERAHAN ABSTRAK

Untuk menyerahkan **Abstrak** anda, anda perlu mendaftar dalam talian.

UNTUK MENDAFTAR

Klik pada "*Online Registration*" di sebelah kiri bahagian atas laman persidangan ini dan mengisi maklumat yang diperlukan. Sebaik sahaja anda telah mendaftar, surat pengesahan pendaftaran akan dihantar ke emel anda.

UNTUK PENYERAHAN ABSTRAK

Log masuk ke dalam "*Participant Login*" (di sebelah kiri bahagian atas laman persidangan) dengan nama pengguna dan kata laluan anda.

Klik pada "*Abstract*" di bar alat dan kemudian "*New*". Berikan maklumat yang diperlukan. Klik "*Journal Article*" untuk "*Category*". Muatkan Abstrak anda. Isikan maklumat penulis pada "*author information*".

SEBAGAI ALTERNATIF

Sebagai alternatif, sila hantar Abstrak anda terus kepada:
PPA16_UM_abstract@um.edu.my

TARIKH PENTING

Tarikh permulaan pendaftaran	: 01 ^{hb} November 2016
Tarikh akhir untuk penyerahan abstrak	: 31 ^{hb} Januari 2017
Pemberitahuan penerimaan kertas kerja	: 28 ^{hb} Februari 2017
Tarikh akhir untuk penyerahan abstrak lanjutan	: 30 ^{hb} April 2017
Tarikh akhir untuk penyerahan kertas kerja lengkap	: 30 ^{hb} April 2017
Tarikh akhir pembayaran yuran	: 15 ^{hb} Jun 2017
Tarikh pendaftaran masuk ke Hotel	: 07 ^{hb} Ogos 2017
Tarikh persidangan	: 08-10 ^{hb} Ogos 2017

Satu lawatan Kampus University Malaya akan diadakan pada **hari terakhir** persidangan. Semua peserta dialu-alukan penyertaan.

YURAN PENDAFTARAN

Pendaftaran akan bermula daripada **1^{hb} Nov 2016**.

UNTUK MENDAFTAR

Klik pada "*Online Registration*" di sebelah kiri bahagian atas laman persidangan ini dan mengisi maklumat yang diperlukan.

Yuran pendaftaran untuk persidangan adalah seperti yang berikut:

Tempoh pendaftaran/ Jenis pendaftaran	Dengan penginapan (*Dwiinap/Triinap)	Tanpa penginapan
PESERTA TEMPATAN		
Peserta Standard		
Yuran pendaftaran awal [sebelum 30 April 2017]	MYR1,200	MYR 800
Yuran pendaftaran biasa [selepas 30 April 2017]	MYR1,400	MYR1,000
Penuntut		
Yuran pendaftaran awal [sebelum 30 April 2017]	MYR 1,050	MYR 700
Yuran pendaftaran biasa [selepas 30 April 2017]	MYR1,200	MYR 900

Kakitangan UM /PPM/DBP/ITBM/PKB		
Yuran pendaftaran awal [sebelum 30 April 2017]	MYR 1,050	MYR 700
Yuran pendaftaran biasa [selepas 30 April 2017]	MYR1,200	MYR 900
PESERTA ANTARABANGSA		
Yuran pendaftaran awal [sebelum 30 April 2017]	USD560	USD470
Yuran pendaftaran biasa [selepas 30 April 2017]	USD640	USD550

*Yuran pendaftaran termasuk GST.

*Yuran pendaftaran (dengan penginapan) termasuk persidangan 3 hari, makan tengah hari/minum teh, 1 makan malam gala, makan malam & penginapan 4 hari/ 3 malam (**daftar masuk pada 7 Ogos -- daftar keluar pada 10 Ogos**)

*Yuran pendaftaran (tanpa penginapan) termasuk persidangan 3 hari, makan tengah hari/minum teh. Yuran ini tidak termasuk makan malam gala. Jika anda ingin menyertai makan malam tersebut, bayarannya ialah RM120 nett.

*Dwiinap atau Triinap bergantung kepada ketersediaan bilik.

* "Penuntut" bermaksud penuntut yang berdaftar di universiti tempatan atau kolej swasta di Malaysia. Untuk "Penuntut", sila bekalkan bukti status.

CARA PEMBAYARAN

Pilih cara pembayaran anda daripada pilihan yang berikut:

1. Melalui "Participant Login"

Bayaran boleh dilakukan menggunakan pindahan bank elektronik yang tersedia pada laman "Participant login". Klik "pay via e-payment". Salinan slip transaksi mesti dimuat naik pada "upload payment slip for conference" sebagai bukti pembayaran **sebaik sahaja** pembayaran dibuat.

2. Melalui Cek atau Bank Draf

Segala cek atau draf bank hendaklah dibuat atas nama BENDAHARI UNIVERSITI MALAYA dan diposkan atau dihantar ke alamat di bawah:

Sekretariat

Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-16

Jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan
Fakulti Bahasa dan Linguistik
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia

3. Melalui Deposit ATM

Anda perlu ke mana-mana ATM di bank-bank tempatan dan menandatangani yuran yang diperlukan ke akaun bank berikut:

Bank Nama Akaun : **Bendahari Universiti Malaya**

Nombor Akaun : **8001279998**

4. Melalui Pendahan Telegraf (TT)

Nama Penerima : **Bendahari Universiti Malaya**
Nombor Akaun : **8001279998**
Bank : **CIMB Bank**
Cawangan : **Cawangan Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur**
KOD SWIFT : **CIBBMYKL**

Caj bank perlu ditolak daripada akaun individu/ akaun organisasi, dan bayaran penuh mesti diterima oleh pihak penganjur.

Nota Penting:

Salinan slip transaksi mesti dimuat naik pada "upload payment slip for conference" **sebaik sahaja** pembayaran dibuat sebagai bukti pembayaran.

ATAU

Hantarkan bukti pembayaran (dan bukti status jika berkenaan) kepada PPA16_UM_regis@um.edu.my, untuk pendaftaran anda disahkan seawal yang mungkin.

Pendaftaran hanya lengkap apabila kami menerima pembayaran dan butiran anda. Tarikh akhir pembayaran yuran ialah 15^{hb} Jun 2017.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Untuk mendapat maklumat terkini bagi PPA-16, sila rujuk sesawang persidangan secara berkala pada **umconference.um.edu.my/PPA16**

MAKLUMAT HUBUNGAN

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila emel jawatankuasa penganjur pada :

PPA16_UM_abstract@um.edu.my (untuk yang berkaitan dengan abstrak)
PPA16_UM_regis@um.edu.my (untuk yang berkaitan dengan pendaftaran)
PPA16_UM_admin@um.edu.my (untuk yang berkaitan dengan perkara-perkara lain)

Atau telefon

- Dr Looi Wai Ling [looiwl@um.edu.my] (Convenor)
Tel : 603-7967 3118
- Dr. Krishnavanie [krishnav@um.edumy] (Setiausaha)
Tel : 603-7967 3106
- Dr. Chiew Poh Shin [chiewpohshin@um.edu.my] (Ketua Sekretariat)
Tel : 603-7967 3166

ALAMAT POS SEKRETARIAT PERSIDANGAN

Sekretariat
Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-16
Jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan
Fakulti Bahasa dan Linguistik,

Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur,
Malaysia.